



MOD.100-2/1/2 Jld 6 (48) 02/07

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM MENERUSI  
PROGRAM BAHARU IAITU PROGRAM VETERAN DESA MADANI**

1. **Machang, 7 Julai 2024** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah melaksanakan satu program baharu di bawah Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) iaitu **Program Veteran Desa Madani (VDM)**. VDM adalah merupakan salah satu inisiatif terkini daripada keseluruhan **Program Peduli Veteran Madani (PVM)** yang telah dilaksanakan sejak bulan Mac 2023 hingga kini. Program ini menampilkan **pengisian yang lebih mesra Kementerian bersama veteran ATM dan keluarga termasuk masyarakat setempat**. Objektif utama pelaksanaan VDM adalah seperti berikut:

- a. Menyediakan sasaran keluarga veteran ATM yang lebih tepat dan khusus kepada golongan veteran asnaf dan di bawah kategori B40 yang memerlukan bantuan dalam salah satu di antara lima aspek PVM iaitu **Kebajikan, Kesihatan, Perumahan, Pendidikan dan Pernerurusan (*empowerment*)**.
- b. Berfungsi sebagai **platform kolaborasi antara kementerian dan kerajaan negeri** dalam usaha untuk menyampaikan bantuan kebajikan kepada veteran-veteran terpilih secara khusus dan masyarakat setempat secara amnya.
- c. Memenuhi aspirasi Kementerian Pertahanan iaitu sentiasa '**Responsif, Prihatin dan Komited**' dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan veteran ATM yang menjadi salah satu teras utama dalam **Pelan Strategik Kementerian Pertahanan**.
- d. Selaras dengan pembangunan dasar **Malaysia Madani (Teras Kesejahteraan dan Ihsan)** untuk kementerian terus berusaha mengenalpasti sebarang peluang yang boleh memanfaatkan veteran dan tanggungan dalam usaha memperkasakan agenda kebajikan veteran ATM.

2. Sebagai permulaan, program ini **menyasarkan enam buah keluarga dan kampung veteran ATM** yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan dan JHEV ATM. Bagi edisi sulung VDM kali ini, program telah dimulakan dengan lawatan kebajikan kepada seorang veteran ATM di Kampung Chekok, Temangang sebelum meneruskan program bersama-sama dengan penduduk kampung, ahli kariah Masjid Ar Rahmah dan persatuan-persatuan veteran ATM di sekitar Daerah Machang.

3. **Statistik Veteran Negeri Kelantan** sahaja mencatatkan **seramai 19,853 orang veteran ATM** dimana **1,581 orang** daripadanya adalah dari **Daerah Machang**. Selain menyampaikan bantuan seperti barangan keperluan, VDM juga berperanan sebagai platform untuk mengenal pasti serta memudahcara proses permohonan sumbangan yang diperlukan oleh veteran dan

keluarga berdasarkan skim-skim kebajikan JHEV serta fasiliti keusahawanan yang berkaitan. YB Timbalan Menteri Pertahanan turut beramah-mesra dengan masyarakat setempat dengan melaksanakan aktiviti gotong-royong kenduri rakyat, solat asar berjemaah serta menyampaikan sumbangan 50 bakul rahmah kepada veteran asnaf.

4. Mendokong Teras Dasar Madani iaitu 'Kesejahteraan dan Insan', **Kerajaan komited meningkatkan peruntukan JHEV ATM dari RM118 juta kepada RM244 juta pada Tahun 2024.** Peningkatan yang begitu ketara ini mampu memberi manfaat yang lebih luas kepada Veteran ATM. Pada tahun ini, **kerajaan juga telah meningkatkan Peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 Juta.** Sehingga 31 Mei 2024, seramai **29,247 veteran ATM** telah menerima faedah ini.

5. Bagi memastikan tatakelola penyaluran skim bantuan dilaksanakan dengan efektif, YB Adly menyeru veteran ATM yang telah berdaftar untuk mengemaskini data peribadi dalam sistem VIBES 2.0. Selanjutnya, veteran ATM juga digalakkan untuk berdaftar dengan JHEV dan persatuan-persatuan veteran bagi memastikan skim bantuan dapat dimanfaatkan bagi yang memerlukan. Kementerian komited untuk terus memperkukuh kerjasama JHEV dan persatuan-persatuan veteran ATM sebagai medium terbaik untuk melebarluaskan maklumat, dasar dan prosedur semasa yang berkaitan kepada veteran ATM.

6. Program VDM pada kali ini turut dihadiri oleh Pengarah Pembangunan Negeri Kelantan, Tn Hj Jasri bin Kassim; Pengerusi FELCRA, YBhg. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub; Panglima Briged Kelapan Infantri, YBhg. Brigadier Jeneral Muzamil bin Hj. Ali; Timbalan Ketua Pengarah JHEV ATM, Encik Sophian Isswandy bin Ismail; Ketua Jajahan Machang, Encik Mohd Zamri bin Ibrahim; Ketua Polis Daerah Machang, Supt. Ahmad Shafiki bin Hussin serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Kelantan.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**  
**Dikeluarkan pada 7 Julai 2024**